

**POLIGAMI: HIKMAH DAN JAWAPAN TERHADAP ORIENTALIS : ULASAN  
BUKU : WIVES OF MOHAMMAD THE PROPHET AND WISDOM OF  
POLYGAMY**

**Muhammad Izzat bin Ngah<sup>1</sup>, Muhammad Yosef Niteh<sup>2</sup>**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**ABSTRAK**

Buku yang bertajuk *Wives of Mohammad the Prophet and Wisdom of Polygamy* atau زوجات النبي محمد صلى الله عليه وسلم وحكمة تعددهن iaitu Isteri-isteri Nabi Muhammad s.a.w dan Hikmah Poligami. Buku ini telah dikarang di dalam Bahasa Arab oleh Abdul Ghani Abdul Rahman di Kaherah, Mesir. Buku ini mengandungi dwi bahasa iaitu 64 muka surat dalam Bahasa Arab dan 71 muka surat dalam Bahasa Inggeris. Terdapat empat bab yang dibincangkan di dalam buku ini iaitu Biografi Ringkas Rasulullah s.a.w, Poligami dalam Syariat Islam, Kajian terhadap Isteri-isteri Nabi s.a.w dan Jawapan balas bagi soalan-soalan yang penting berkaitan Poligami Nabi s.a.w.

**BAB I : BIOGRAFI RINGKAS NABI MUHAMMAD S.A.W**

Nabi Muhammad s.a.w dilahirkan pada 12 Rabiul-Awal, bersamaan 20 April 571M. Ayahanda baginda bernama Abdullah bin Abdul Mutalib dan bondanya Aminah bt. Wahab. Ayahanda Nabi telah meninggal dunia semasa baginda di dalam rahim ibunya. Semasa dilahirkan, bumi Mekah dan seluruh dunia mengalami satu keadaan yang sungguh syahdu menyambut kelahiran penyudah segala nabi yang akan menyinari seluruh alam ini. Banyak perkara ganjil dan luarbiasa berlaku bertepatan saat-saat keputeraan baginda. Tiga hari baginda disusukan oleh ibunya, selepas itu diserahkan kepada Tsuwaibah dan kemudian kepada ibu susuannya Halimatus Sa'adiyah.

Dalam masa remajanya, Nabi Muhammad s.a.w percaya sepenuhnya dengan keesaan Allah. Baginda hidup dengan cara amat sederhana dan membenci sifat-sifat angkuh dan bongkak. Baginda menyayangi orang-orang miskin, para janda dan anak-anak yatim serta berkongsi penderitaan mereka dengan berusaha menolong mereka. Baginda juga menghindari semua kejahatan yang menjadi amalan biasa di kalangan para belia pada masa itu seperti berjudi, meminum minuman keras, berkelakuan kasar dan lain-lain, sehingga beliau dikenali sebagai As Saadiq (yang benar) dan Al Amin (yang amanah).

Nabi Muhammad s.a.w banyak mengikuti peperangan dalam Islam seperti perang Badar, Uhud, Tabuk, Khandak dan sebagainya. Baginda seorang pemimpin negara yang

---

<sup>1</sup> Pensyarah Muda Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat FPPI, KUIS. muhdizzat@kuis.edu.my

<sup>2</sup> PHD. Pensyarah Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, KUIS. dryosefppt@gmail.com

hebat dan adil dalam pemeintahannya sehingga agama Islam dapat tersebar keseluruh dunia. Baginda telah wafat pada 12 Rabiul-Awal pada tahun ke 11 Hijrah iaitu pada 633 Masihi.

## **Bab II: Nabi Muhammad s.a.w Dan Hikmah Dalam Poligami**

Dalam Bab II ini pengarang membincangkan mengenai mengapa Nabi Muhammad s.a.w mempunyai ramai isteri dan hikmah disebalik poligami yang diamalkan oleh Baginda. Pada awal kemunculan Islam, tidak ada syariat ataupun had dalam berpoligami dan masyarakat arab Islam pada waktu itu bebas untuk berkahwin berapa banyak yang mereka mahu. Kebanyakan daripada kita, umat islam sendiri tertanya-tanya mengapakah Rasulullah berpoligami dan atas dasar apakah? Bagi puak dan golongan Yahudi dan Kristian mengambil peluang atas usul ini untuk menuduh dan mengeji Rasulullah dengan berbagai tuduhan. Sedangkan sekiranya kita mendalami sirah nabawiyah secara mendalam kita akan tahu atas asbab apakah Rasulullah berpoligami.

Nabi Muhammad s.a.w berkahwin dengan Siti Khadijah ketika baginda berusia 25 tahun manakala isterinya 15 tahun lebih tua dari Baginda. Rasulullah memang terkenal dengan sifat yang mulia dan mempunyai daya tarikan yang tinggi tetapi Baginda memilih seorang janda untuk dijadikan isteri. Baginda hidup bersama Siti Khadijah selama 25 tahun sehinggalah Khadijah meninggal ketika usia Rasulullah 50 tahun dan baginda begitu setia dengan isterinya.

Kemudian Rasulullah berkahwin dengan Saudah setelah 3 tahun kewafatan Khadijah. Jadi, jelaslah bahawa Rasulullah berpoligami bukanlah atas nafsu baginda dan dunia semata-mata sebaliknya ia merupakan arahan dan perintah daripada Allah. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahwa isteri-isteri baginda kesemuanya berbeza dari segi bangsa, warna kulit dan warganegara. Jadi, ia bertujuan untuk menyatukan kaum dan negara supaya bersatu dan memudahkan untuk mendapat sokongan daripada kabilah-kabilah dari pelbagai negara.

Pernikahan Nabi s.a.w juga untuk menguatkan dan menyebarkan dakwah demi kebaikan Islam, bukan untuk bersenang-senang. Ia diperintahkan untuk menambah keakraban dengan sahabat yang sangat dekat di hati beliau seperti Siti Aisyah puteri Abu Bakar dan Hafsa puteri Umar bin Khattab. Selain itu, adalah untuk melembutkan hati orang-orang yang menerima agama Islam dari tawanan perang seperti perkawinan beliau dengan Safiyyah binti Hayy dan Juairiyah binti al-Harith.

Isteri-isteri Rasulullah sangat memainkan peranan yang penting dalam sejarah Islam kerana mereka sentiasa menemani dan menolong Baginda samada dalam peperangan mahupun di mana-mana sahaja supaya dapat mengurangkan beban yang dipikul oleh Rasulullah.

Dapat disimpulkan antara sebab-sebab lain ialah sebagai propaganda agama baru ini memerlukan pendakwah baru untuk menyebarkan Islam di kalangan orang-orang musyrik Makkah. Iaitu modal rohani dari Arab purba sehinggalah sekarang. Kedua ialah hubungan suami isteri adalah salah satu kaedah untuk menyebarkan agama baru di kalangan suku-suku kaum dan orang ramai di seluruh dunia. Tidak syak lagi setiap suku kaum mesti menghormati anak-anak dan saudara-saudara. Oleh yang demikian, kebanyakan suku kaum Arab sangat gembira untuk percaya kepada Islam. Ketiga ialah dengan perkahwinan ini, secara tidak langsung menjadikan setiap isteri-isterinya seorang pendakwah untuk Islam. Nabi s.a.w mengajar mereka semua apa yang mereka perlu lakukan untuk memastikan syurga itu kekal

selamanya dan juga untuk menjadi ikutan wanita lain dalam tingkah laku dan perbuatan yang baik.

Jadi, perkahwinan Rasulullah ini adalah tidak lain selain untuk agama dan perintah, ia juga untuk politik negara, masyarakat, agama, undang-undang mahupun peperangan.

### **Poligami Dalam Undang-Undang Islam**

Sebelum misi para nabi, wanita tidak mempunyai hak yang sah, bukan sahaja di Arab, tetapi juga di mana-mana seluruh dunia. Tetapi undang-undang Islam memberi wanita semua hak-hak mereka dan menjadi di landasan yang sama. Islam tidak mencipta poligami untuk dihormati tetapi menjadikan reformasi dan membuang kekeliruan. Islam membenarkan poligami untuk keperluan mendesak berdasarkan keadilan. Suami tidak boleh berlaku adil di antara isteri-isterinya walaupun dia sangat berhat-hati di atasnya seperti ayat berikut:

Islam diturunkan untuk semua manusia di seluruh dunia. Ia memenuhi semua keperluan manusia pada bila-bila masa dan tempat. Ia telah meletakkan institusi poligami di bawah sekatan yang menjadikan ia paling berkesan. Undang-undang Islam tidak menggalakkan poligami kecuali dalam hal-hal berikut:

- Dalam kes konflik skala luas dan pencerobohan tentera, atau perang saudara, bilangan lelaki berkurangan sebahagian besarnya meninggalkan sebilangan besar wanita tanpa sokongan dan perlindungan. Jawapan bagi masalah ini adalah poligami. Penyelesaian ini kadang-kadang menjadi satu keperluan negara, dan tindakan ini menyelesaikan masalah.
- Kes individual yang lain seperti penyakit berpanjangan isteri untuk masa yang lama.

Mustahil untuk berurusan secara adil dengan lebih dari seorang isteri tetapi Nabi s.a.w adalah contoh yang jelas di hadapan kita. Dia mempunyai dua belas isteri tetapi dapat memberikan kasih sayang dan adil kepada mereka.

Kesimpulannya, monogami adalah peraturan dan poligami adalah pengecualian dalam Islam.

## **BAB III : ISTERI-ISTERI NABI MUHAMMAD S.A.W**

### **1. Khadijah Binti Khuwailid**

Khadijah binti Khuwailid adalah isteri pertama Nabi Muhammad s.a.w. Khadijah merupakan anak kepada Khuwailid ibn Asad dan Fatimah binti Za'idah dan termasuk dalam suku Banu Hashim. Sewaktu Nabi Muhammad s.a.w bernikah dengan Khadijah, umur Khadijah berusia 40 tahun sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. hanya berumur 25 tahun. Tetapi menurut Ibnu Kathir mereka berkahwin dalam usia yang sebaya. Nabi Muhammad s.a.w. bersama dengannya sebagai suami isteri selama 25 tahun iaitu 15 tahun sebelum "bithah" dan 10 tahun selepasnya iaitu sehingga wafatnya Khadijah, kira-kira 3 tahun sebelum hijrah. Khadijah wafat semasa beliau berusia 65 tahun. Beliau merupakan isteri yang tidak pernah dimadukan kerana kesemua isterinya yang dimadukan adalah berlaku selepas daripada wafatnya Khadijah. Di samping itu, kesemua anak baginda kecuali Ibrahim adalah kandungannya. Mas kahwin daripada Nabi Muhammad s.a.w. sebanyak 20 "bakrah" dan upacara perkahwinan diadakan oleh saudaranya Amr bin Khuwailid kerana bapanya telah meninggal.

## 2. Saudah Binti Zam'ah

Saudah bin Zam'ah dengan gelaran Saidatina Saudah binti Zam'ah al-Amiriyah al-quraisyah radhiallahu 'anha ialah isteri Nabi Muhammad s.a.w. dan dianggap oleh orang Islam sebagai Ibu Orang Beriman. Bapa beliau Zam'ah ibn Qays dan ibunya Al-Shamus binti Qays. Beliau mengawini As-Sakran ibn Amr. Abdur Rahman ibn Sakran yang terbunuh dalam Perang Jalulah pada 637 AD. Saudah binti Zam'ah yang menjadi wanita pertama berhijrah ke Habsyah atas jalan Allah. Selepas kematian suami, beliau menetap bersama bapanya yang sudah lanjut usia. Beliau dikhabarkan sebagai wanita yang tinggi dan bertubuh besar, dengan akhlak yang baik dan periang, sesuai untuk menjaga rumahtangga Nabi Muhammad s.a.w. Nabi Muhammad s.a.w. menikahi Saudah pada bulan Ramadhan tahun kesepuluh selepas kenabian baginda, beberapa tahun selepas kewafatan Khadijah r.a. Menurut Ibn Sa'd, Saudah wafat pada tahun 54 hijrah.

## 3. Aishah Binti Abu Bakar

Aishah adalah isteri kepada Nabi Muhammad s.a.w yang mendapat gelaran "Ibu kepada orang-orang Mukmin", Aisyah dalam bahasa arab memiliki hidup yang sihat. Aisyah adalah putri dari Abu Bakar, hasil pernikahan keduanya iaitu Ummi Ruman yang melahirkan Abd rahman dan Aisyah. Aisyah dipinang pada usia 7 tahun dan mulai berumahtangga pada usia 9 tahun. Dimana Aisyah menjadi isteri ketiga Nabi setelah Khadijah dan Saudah binti Zam'ah. Upacara perkahwinan tersebut terjadi di usia 6 tahun, dan Aisyah dihantarkan memasuki rumahtangga Nabi sejak 9 tahun. Aisyah sebagai seorang wanita yang terpelajar, yang tanpa lelah meriwayatkan hadis tentang kehidupan Nabi. Aisyah adalah isteri utama Nabi Muhammad s.a.w dan menjadi contoh dari jutaan wanita. Keutamaan Aisyah r.a ialah peribadi yang dahagakan ilmu, periwayat hadis, kecerdasan dan keluasan ilmu, peribadi yang tegas dalam menegakkan hukum Allah dan peribadi yang dermawan. Aisyah meninggal pada malam Selasa, tanggal 17 Ramadhan setelah solat witr, pada 58 Hijriah dalam usia 63 tahun.

## 4. Hafshah Binti Umar Ibnu Khattab

Pernikahan Rasulullah SAW dengan Hafshah merupakan bukti cinta kasih beliau kepada mukminah yang telah menjanda setelah ditinggalkan suaminya, Khunais bin Hudzafah as-Sahami, yang berjihad di jalan Allah dan gugur dalam Perang Badar. Umar sangat sedih kerana anaknya telah menjadi janda pada usia yang sangat muda. Umar merasa sangat terhormat mendengar niat Rasulullah s.a.w untuk menikahi puterinya. Dialah isteri Nabi s.a.w yang pertama kali menyimpan Al-Quran dalam bentuk tulisan pada kulit, tulang, dan pelepah kurma, hingga kemudian menjadi sebuah Kitab yang sangat agung. Mushaf asli Al Quran itu berada dirumah Hafshah hingga dia meninggal.

## 5. Zainab Binti Khuzaimah

Zainab Binti Khuzaimah adalah isteri Rasulullah s.a.w yang dikenal dengan kebaikan, kedermawanan, dan sifat santunnya terhadap orang miskin. Dia adalah isteri Nabi kedua yang wafat setelah Khadijah r.a. Untuk memuliakan dan mengagungkannya, Rasulullah mengurus mayat Zainab dengan tangan beliau sendiri.

Zainab adalah termasuk kelompok orang yang pertama masuk Islam dari kalangan wanita. Yang mendorongnya masuk Islam adalah akal pikirannya yang baik, menolak syirik dan

penyembahan berhala dan selalu menjauhkan diri dari perbuatan jahiliah. Sebahagian pendapat mengatakan bahawa suami pertama Zainab adalah Thufail Bin Harits Bin Abdul Muthalib, yang kemudian menceraikannya. Dia menikah lagi dengan Ubaidah Bin Harits, namun dia terbunuh pada Perang Badar atau Perang Uhud. Rasulullah SAW menikahi Zainab kerana beliau ingin melindungi dan meringankan beban hidup yang dialaminya.

#### 6. Hindun Binti Abi Umayyah

Hindun Binti Abi Umayyah Hindu Al- Makhzumiyah Hind Binti Suhail juga dipanggil Ummu Salamah. Ummu Salamah seorang janda tua mempunyai empat orang anak dengan suaminya terkorban dalam perang Uhud dan saudara sepupunya turut terkorban dalam perang itu lalu Rasulullah SAW melamarnya. Ummu salamah ialah nama gelaran beliau, Ummu salamah merupakan antara isteri Rasulullah SAW yang dikenali, terutamanya dalam penyampaian banyak hadis Rasulullah SAW ataupun kisah hidup baginda. Ummu Salamah mengahwini Rasulullah SAW pada usia 29 tahun. Beliau merupakan seorang balu dengan tiga anak kecil dan mengandungkan pula anak keempat semasa perkahwinan itu. Beliau menjadi isteri yang paling tua di kalangan isteri-isteri baginda ketika itu. Beliau juga dikatakan mendapat kedudukan yang tinggi di kalangan para isteri baginda.

Disebabkan kecantikan, pengetahuan dan kebijaksanaanya, Ummu Salamah sering mempunyai peranan dalam rumahtangga Rasulullah SAW dan masyarakat muslim ketika itu, beliau merupakan isteri yang kuat iman dan baik akhlaknya. Sebagai wanita, beliau menjalankan tanggungjawab agama dengan baik sekali. Semasa perkahwinannya, beliau sedaya upaya untuk menggembirakan baginda dan menghormati baginda. Beliau juga turut dikenali dalam mempertahankan hak-hak wanita dalam masyarakat.<sup>3</sup>

#### 7. Zainab Binti Jahsh Al Assadiyyah

Zainab merupakan sepupu nabi, balu kepada Zaid bin Harithah yang merupakan seorang hamba yang telah dimerdekakan dan juga anak angkat kepada nabi. Perkahwinan ini memberi impak yang besar terhadap penduduk Mekah kerana melalui perkahwinan ini, Islam menyamakan status antara hamba abdi dan orang biasa (bebas) justeru menamatkan sistem perhambaan.

Nabi Muhammad meminang Zainab untuk dikahwinkan dengan anak angkat baginda. Zainab yang disokong abangnya Abdullah, pada mulanya menolak peminangan tersebut atas dasar status sosial Zainab yang terlalu tinggi untuk dikahwinkan dengan seorang bekas hamba sehinggalah turunnya ayat al-quran (Al-Ahzab,36) yang menyatakan 'Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.'

Setelah turunnya ayat ini, Zainab menurut perintah nabi dan menerima pernikahan tersebut. Semasa mereka hidup berdua sebagai suami isteri, Zainab selalu mengeluarkan kata-kata kasar kepada Zaid dan membesar-besarkan dirinya, lalu zaid pun pergi mengadu kepada Rasulullah dan meminta kebenaran untuk bercerai dengan Zainab. Kemudian baginda

<sup>3</sup> *Wives of Mohammad the Prophet and Wisdom of Polygamy*, Abdul Ghany Rahman Mohammad, Bab III, Hlm 43-44.

dikahwinkan dengan Zainab selepas diceraikan oleh Zaid kerana suatu hikmah yang mengatasi segala hikmah yang lain dalam perkahwinan baginda dengan isteri-isteri yang lain iaitu menghapuskan kepercayaan karut jahiliyyah bahawa anak angkat sama seperti anak sendiri diberi segala hak anak hatta harta pusaka dan sebagainya.

#### 8. Juwairiyah Binti Al Harith Bin Abi Dhoror

Semasa peperangan antara umat Islam dengan Bani Mustalaq, umat Islam meraih kemenangan . 10 orang Yahudi terbunuh dan selebihnya dijadikan tawanan, manakala wanita pula dijadikan hamba dan Juwairiyah termasuk antara salah satu daripada hamba tersebut. Suaminya terbunuh ketika peperangan dengan umat Islam. Kemudian Nabi mengahwini Juwairiyah dan menunjukkan kepada masyarakat bahawa status sosial manusia semua adalah sama. Dengan tersebarnya berita tentang nabi mengahwini Juwairiyah, kaum muslimin membebaskan semua hamba perempuan daripada Bani Mustalaq dan hal ini sampai kepada pengetahuan mereka dan mereka terbuka hati untuk menerima Islam kerana terpancarnya sifat pemurah dan pemaaf orang Islam.

#### 9. Safiyah Binti Huyay Bin Akhtob

Safiyah merupakan anak kepada ketua Bani Nadir dan juga balu kepada Kinanah bin Abi Al Haqeeq. Suami, bapanya, saudara lelaki dan seluruh keluarganya terbunuh semasa perang Khaibar menentang kaum muslimin dan kemudian beliau telah ditawan oleh tentera Muslimin. Oleh kerana Safiyah sudah menjadi sebatang kara tanpa saudara mara, Nabi merasa kasihan terhadap Safiyah yang tidak mempunyai hubungan dalam permusuhan dan terpaksa menanggung akibatnya. Dengan keadaan itu, baginda tidak akan meninggalkan Safiyah selepas bapa, suami dan saudara beliau dibunuh oleh orang yang berlainan agama. Safiyah telah diajak memeluk Islam oleh Rasulullah dan kemudiannya dilamar oleh baginda dan Safiyah menerimanya dengan gembira.

#### 10. Ramlah Bt Abu Sofian ( Ummu Habibah )

Ramlah Bin Abu Sofian atau dikenali sebagai Ummu Habibah. Abu Sofian merupakan ayah kepada Ramlah dan beliau merupakan orang yang tidak menyukai agama Islam dan beliau bermusuhan dengan Muhammad. Ummu Habibah mempunyai seorang suami yang bernama Ubaidallah Ibn Jahash. Di Euthopia ada seorang Raja Kristian yang dipanggil Malek. Disebabkan terpengaruh dengan agama itu, Ubaidallah telah menukar agama dan mengajak isterinya akan tetapi Ramlah menolak dengan sebab mempercayai Islam sehingga suaminya meninggal dan beliau hidup keseorangan. Isterinya percaya kepada Allah yang satu dan takkan sesekali menukar agama lain. Ramlah ataupun Ummu Habibah telah berhijrah ke Madinah bersama Raja Sharhabel Ibn Hassanah di mana tempat orang Islam Arab berada dan di situ beliau telah bertemu dengan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW telah berkahwin dengan Ramlah disaksikan oleh Uthman Bin Affan (khalifah ketiga) dan perkahwinan tersebut telah menyelamatkan perempuan tersebut daripada berada dalam keadaan yang menyedihkan.

#### 11. Maria Qibtiyyah

Semasa tinggalnya beliau di Madinah, Rasulullah telah menghantar surat kepada Raja, Sultan dan seluruh Puteri Negara untuk meminta mereka percaya kepada ketentuan Islam ataupun agama Islam. Salah seorang daripada ketuanya, Patrick telah membaca surat yang telah dihantar oleh Rasulullah dan membenarkan apa yang dikatakan dalam kitab Bible bahawa kan lahirnya seorang Nabi terakhir yg dikenali sebagai Rasulullah dan apa yang

diucapkan olehnya adalah benar dan beliau bukan penipu ataupun ahli sihir. Dengan itu, Patrick telah memanggil keraninya yang pandai berbahasa arab dan membalas surat Rasulullah bahawa beliau akan menghantar dua orang perempuan iaitu Maria dan kakaknya dan beserta hadiah kepada baginda s.a.w. Dua perempuan tersebut telah memeluk Islam kerana tertarik dengannya .Nabi telah berkahwin dengan salah seorang darinya iaitu Maria. Maria telah dikurniakan seorang anak lelaki yang diberikan nama Ibrahim.

## 12. Maimunah Bt Harith

Maimunah merupakan orang terakhir yang dikahwini oleh Baginda s.a.w. Beliau merupakan kakak ipar kepada pakcik Nabi iaitu Ibn Abbas. Maimunah juga merupakan perempuan kedua yang percaya kepada cara dan keupayaan baginda s.a.w dalam mengawal agama Islam selepas Khadijah. Maimunah juga merupakan perempuan pertama daripada kumpulan perempuan yang merawat orang islam yang cedera dalam peperangan . Akan tetapi, nasib beliau tidak begitu baik kerana beliau telah terkena anak panah dan menyebabkan beliau cedera. Namun begitu, beliau percaya akan ketentuan Allah adalah yang terbaik berdasarkan umurnya, dan beliau meninggal sejeurus beberapa tahun Nabi meninggal.

## **BAB IV: PERKAHWINAN NABI MUHAMMAD S.A.W DAN PENENTANGNYA.**

Bab ini pengarang mengetengahkan tentang kritikan-kritikan yang sering dilontarkan oleh orientalis barat kepada Nabi Muhammad s.a.w dan sebab-sebab mereka menghina dan tidak bersetuju dengan poligami yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w.

Pengarang berpendapat bahawa mereka yang menghina dan menentang Baginda s.a.w adalah mereka-mereka yang tidak mengkaji secara mendalam dan tidak memahami poligami yang secara keseluruhannya. Mereka hanya menghukum Nabi s.a.w melalui apa yang mereka dengar, oleh yang demikian mereka mengatakan bahawa Nabi s.a.w adalah seorang yang gila seks.

Antara sebab mereka mengkritik Nabi Muhammad s.a.w adalah kerana mereka tidak mengkaji biografi Nabi s.a.w dan sebab setiap isteri yang dinikahinya. Kebanyakan mereka juga mempunyai pengetahuan yang cetek mengenai karakter dan peribadi serta akhlak Rasulullah.s.a.w. Ada juga diantara mereka yang mempunyai niat yang jahat terhadap Rasulullah s.a.w. Mereka menjadikan isu poligami Rasulullah s.a.w sebagai satu-satunya isu untuk menfitnah dan mencerca Nabi s.a.w. Selain itu, ada di kalangan guru-guru dan tenaga pengajar yang mempunyai niat yang baik, akan tetapi mereka tidak menyampaikan kebenaran biografi Baginda s.a.w. serta hikmah poligami yang diamalkan.

Pengarang menjelaskan bahawa mana mungkin manusia sehebat Nabi Muhammad s.a.w itu seorang yang gila seks. Ini kerana Baginda s.a.w adalah seorang pemimpin yang tertinggi dan berkuasa namun Baginda s.a.w tidak menggunakan kekuasaannya untuk memikat wanita-wanita Arab yang cantik, kaya dan berkedudukan tinggi. Nabi Muhammad s.a.w menjalani hidup Baginda dengan serba sederhana bersama isteri-isterinya. Demikianlah, isteri-isterinya adalah wanita-wanita yang terpilih dan hanya yang sanggup dan rela untuk hidup bersama Rasulullah s.a.w yang tidak mewah.

## Jawapan Yang Munasabah Bagi Menjawab Persoalan Yang Penting Berkaitan Dengan Poligami Rasulullah s.a.w:

- 1. Kenapa Rasulullah saw boleh mengahwini ramai perempuan dalam satu masa? Adakah pengikut baginda juga boleh mengahwini ramai perempuan dalam satu masa?**

Rasulullah s.a.w merupakan seorang lelaki yang sangat berbeza. Baginda mampu berlaku adil dengan semua isteri baginda. Bagi pengikut Rasulullah s.a.w pula tidak boleh mengahwini perempuan melebihi empat orang dalam satu masa.

- 2. Kenapa Rasulullah s.a.w telah menghadkan beberapa masalah berkaitan rumahtangga pada orang lain sedangkan baginda dikecualikan?**

Ini kerana sistem perkahwinan itu merupakan salah satu keutamaan bagi orang Islam dan baginda mempunyai kelebihan kelompok poligami untuk umat Islam.

- 3. Apakah yang al-Quran bicarakan mengenai keadilan Rasulullah dalam poligami?**

Surah Al-Ahzab dan An-Nisa' merupakan surah yang berkaitan dengan poligami baginda. Walaupun baginda merupakan orang yang berpengaruh tetapi baginda tidak mempunyai gundik seperti raja dan ketua pentadbir yang terdahulu sebagai contoh Firaun.

- 4. Kenapa Nabi Muhammad s.a.w tidak mengurangkan bilangan isteri baginda kepada empat orang seperti mana yang telah dijelaskan dalam surah An-Nisa'?**

Pertama, ayat yang berkaitan dengan poligami dalam surah An-Nisa' telah diturunkan pada tahun kelapan Hijrah, ketika itu baginda telah berkahwin dengan semua isteri baginda.

Kedua, nabi Muhammad saw adalah seorang lelaki yang berbeza dengan lelaki-lelaki lain seperti yang telah dijelaskan dalam al-quran.

Ketiga, surah An-Nisa' telah memberitahu sebab-sebabnya dengan meluas berkaitan dengan hak-hak dan tanggungjawab perempuan-perempuan Islam.

- 5. Apakah hikmah beristeri empat kepada lelaki yang berkeinginan untuk berkahwin lebih dari seorang seperti yang disebut dalam al-Quran?**

Tiada lelaki yang mampu adil kepada keempat-empat isterinya. Hakikatnya, tidak ramai yang mampu adil kepada keempat-empat isterinya.

- 6. Bolehkah lelaki berlaku adil keempat-empat isterinya?**

Ianya sangat mustahil, al-quran telah jelaskan kepada kita dalam surah An-Nisa':3.

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَمِينِ فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَّةً وَرَبْعًا فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ۝۳

- 7. Adakah Rasulullah mempunyai gundik?**

Tidak, walaupun baginda seorang pemimpin negara Islam dan mempunyai hak memiliki gundik. Meskipun al-quran telah memberi hak tersebut kepada baginda berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Ahzab: 52.

لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءُ مِنْ بَعْدُ وَلَا أَنْ تَبَدَّلَ بِهِنَّ مِنْ أَزْوَاجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حَسَنُهنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ رَقِيبًا ۝۵۲

- 8. Adakah nabi berhak mempunyai isteri baru?**



Tidak, berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Ahzab pada ayat yang ke-52.

### **9. Adakah isteri-isteri baginda seperti perempuan-perempuan lain?**

Tidak, hal ini adalah kerana:

- a. Mereka lebih memilih untuk hidup susah bersama nabi daripada hidup senang dengan lelaki lain.
- b. Mereka lebih memilih kehidupan di akhirat berbanding kehidupan di dunia.
- c. Mereka telah belajar dengan kebijaksanaan nabi dan membaca al-quran di rumah mereka. Mereka juga turut memimpin, menasihati dan mengajar perempuan-perempuan lain.
- d. Setiap isteri baginda telah banyak berkorban demi Allah.

### **10. Adakah memerlukan etika untuk memasuki ke rumah Rasulullah?**

Persoalan ini telah dijawab oleh Allah pada ayat al-Ahzab: 53.<sup>4</sup>

### **11. Mengapakah Nabi Muhammad melarang berkahwin bersama gundik kepada dirinya ataupun sekadar untuk berseronok seperti raja dan pentadbir yang mana pernah dilakukan sewaktu ketika dahulu?**

Hal ini adalah kerana baginda merupakan Nabi dan seorang ketua negara yang akan menjadi kerajaan besar antara timur dan barat. Selain itu, jika baginda melakukan hal yang sedemikian rupa, baginda akan menghalalkan pelacuran yang mana sememangnya telah dilarang sekeras-kerasnya oleh undang-undang Islam. Oleh itu, dapat dikonklusikan bahawa Nabi Muhammad tidak akan berkahwin melainkan pilihannya, tetapi telah dipaksa dalam keadaan yang tertentu dan kehendak Allah.

### **Kesimpulan Pengarang**

Secara konklusinya, dapatlah disimpulkan dari buku ini bahawa Nabi Muhammad seorang yang setia dan adil pada isterinya. Kesetiaan Nabi Muhammad dapat dibuktikan apabila baginda berkahwin dengan Khadijah. Setelah kewafatan Khadijah, baginda tidak berkahwin dengan perempuan lain sehinggalah tahun tersebut dikenali sebagai tahun kesedihan Nabi Muhammad SAW.

Ketika dengan isteri-isteri yang lain pula, Baginda menunjukkan sifat-sifat seperti bertimbang rasa, hormat dan sabar dengan kerendah mereka. Baginda tidak keberatan untuk membantu isteri-isterinya melakukan kerja rumah. Selain itu, Nabi Muhammad sentiasa mengikut giliran. Baginda bersikap adil terhadap isteri-isterinya dengan mengikut giliran untuk bermalam di rumah mereka. Seterusnya, sewaktu perang, baginda akan mengundi siapa isteri yang akan mengikutinya bersama. Jadi, bilamana isteri tersebut menang, maka dialah orang yang bertuah dapat mengikuti Nabi Muhammad semasa peperangan.

Tambahan lagi, apa yang dapat diperhatikan dari buku ini ialah Nabi Muhammad turut memberikan kehormatan mahupun kebebasan. Kadang-kala, isteri-isteri suka membuat masalah sehinggalah baginda marah. Namun begitu, Nabi Muhammad tetap bersabar dan memberi nasihat kepada isteri-isterinya. Baginda juga tidak memaksa menyuruh mereka

---

<sup>4</sup> *Wives of Mohammad the Prophet and Wisdom of Polygamy*, Abdul Ghan Rahman Mohammad, Bab III, Hlm. 62-64.

mengikut kata-katanya. Sekiranya mereka tidak mahu mendengar kata-katanya, Nabi Muhammad akan berlalu pergi.